



Headline: RM105,000 lesap ditipu Macau Scam  
Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 27 August 2019

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 19

# RM105,000 lesap ditipu Macau Scam

Suspek dakwa mangsa mohon akaun internet untuk pengubahan wang haram

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
yusri.muzamir@bh.com.my

**Balik Pulau:** Seorang pesara pegawai penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM) kerugian sebanyak RM105,000 selepas dipercayai ditipu sindiket Macau Scam.

Mangsa berusia 59 tahun itu diperdaya seorang individu yang menyamar sebagai pegawai dari Telekom Malaysia Bhd (TM), mendakwa mangsa memohon akaun internet untuk kegunaan pengubahan wang haram.

Ketua Polis Daerah Barat Da-

ya, Superintendan A A Anbalagan, berkata panggilan telefon diterima mangsa menerusi talian tetap di rumahnya kira-kira jam 12 tengah hari Rabu lalu itu kemudian disambungkan kepada seorang lelaki menyamar pegawai polis.

"Suspek mendakwa pengadu terbabit dengan jenayah berat dan telah mengeluarkan waran tangkap, selain memberi amaran agar mangsa tidak menceritakan kepada sesiapa jika tak mahu ditangkap.

"Suspek memperkenalkan dirinya sebagai Inspektor Zahari dari Pahang turut meminta mangsa membuat transaksi sebanyak RM30,000 dan mengikut arahnya.

"Mangsa kemudian membuat transaksi RM30,000 melalui kaunter Bank Muamalat Malaysia Berhad, di Jalan Tengah, Bayan Baru, kira-kira jam 4.30 petang, hari sama," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.


Anbalagan berkata, mangsa kemudian membuat transaksi kedua bernilai RM4,900 di Bank Islam Malaysia Berhad, dekat Bayan Baru, kira-kira jam 2 petang, Khamis lalu.

"Mangsa juga telah membuat beberapa kali transaksi lain ke akaun sama sehingga mengalami kerugian RM105,000, dipercayai hasil daripada simpanan pencen wanita terbabit.

"Suspek memperdaya pengadu dalam penipuan Macau Scam. Sindiket ini juga memberi amaran tidak memaklumkan kepada sesiapa, selain kononnya akan menghantar surat waran tangkap melalui WhatsApp pada pengadu.

"Mangsa hanya menyedari dia telah ditipu selepas menceritakan kejadian terbabit kepada rakannya, sebelum tampil membuat laporan polis, semalam (kelmarin)," katanya.

Siasatan kes dibuat mengikut Seksyen 402 Kanun Keseksaan.



**Suspek mendakwa pengadu terbabit dengan jenayah berat dan telah mengeluarkan waran tangkap, selain memberi amaran agar mangsa tidak menceritakan kepada sesiapa jika tak mahu ditangkap.**

**A A Anbalagan,**  
Ketua Polis Daerah Barat Daya